



SIARAN MEDIA

PENYERTAAN FFM33 MULA DIBUKA HINGGA 6 SEPTEMBER 2024

HULU KELANG, 20 Ogos 2024 - Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching mengumumkan pembukaan penyertaan untuk Festival Filem Malaysia ke-33 (FFM33) bermula hari ini hingga 6 September 2024 di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Hulu Kelang hari ini.

Malam Anugerah FFM33 akan berlangsung pada 7 Disember 2024 di Auditorium Seri Angkasa, Kota Media dengan tema "Emas" yang melambangkan evolusi dan kejayaan sinema Malaysia.

Tema ini juga mencerminkan hala tuju baharu FINAS dalam menghasilkan kandungan yang berkualiti untuk dieksport, menjadikan industri filem sebagai nadi ekonomi kreatif dan budaya negara.

FFM33 akan mempertandingkan 30 kategori anugerah dan turut mengembalikan semula kategori Anugerah Filem Dokumentari Terbaik.

FFM merupakan festival filem bertaraf nasional yang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi menerusi FINAS untuk mengiktiraf kecemerlangan kualiti filem dan bakat kreatif pada tahun semasa.

Radio Televisyen Malaysia (RTM) sekali lagi dipilih sebagai rakan strategik serta penyiar rasmi malam anugerah ini.

FINAS turut mengalu-alukan kerjasama dan peluang penajaan daripada pelabur, penaja, syarikat produksi, syarikat korporat, syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (*telco*) serta lain-lain untuk menjadi sebahagian daripada festival berprestij ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi FFM33, <https://ffm.finas.my> atau hubungi **Noorzillawati Yahya (penyertaan)** melalui penyertaanffm33@finas.my atau **03-41041354** dan **YM Ts. Raja Mohammad `Adhzim Raja Ahmad (penajaan)** melalui penajaanffm@finas.my atau **03-41010471**.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif) Kementerian Komunikasi, Nik Kamaruzaman bin Nik Husin; Ketua Pegawai Eksekutif FINAS, YBhg. Dato' Azmir Saifuddin Mutalib dan ahli-ahli perbadanan FINAS.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



FESTIVAL FILEM MALAYSIA KE-33 (FFM33)

SENARAI KATEGORI DAN ANUGERAH

1. **FILEM TERBAIK**
2. **PENGARAH TERBAIK**
3. **PELAKON LELAKI TERBAIK**
4. **PELAKON WANITA TERBAIK**
5. **PELAKON PEMBANTU LELAKI TERBAIK**
6. **PELAKON PEMBANTU WANITA TERBAIK**
7. **PELAKON KANAK-KANAK TERBAIK**
8. **PENGARAH HARAPAN**
9. **PELAKON LELAKI HARAPAN**
10. **PELAKON WANITA HARAPAN**
11. **CERITA ASAL TERBAIK**
12. **LAKON LAYAR TERBAIK**
13. **SINEMATOGRAFI TERBAIK**
14. **PENYUNTING TERBAIK**
15. **PENATAAN BUNYI TERBAIK**
16. **PENATAAN SENI TERBAIK**
17. **KESAN KHAS VISUAL TERBAIK**
18. **SKOR MUZIK TERBAIK**
19. **LAGU TEMA TERBAIK**
20. **TATARIAS/SOLEKAN TERBAIK**
21. **REKAAN KOSTUM/BUSANA TERBAIK**
22. **POSTER TERBAIK**
23. **FILEM PENDEK TERBAIK**
24. **FILEM DOKUMENTARI TERBAIK**
25. **ANUGERAH KHAS KARYAWAN**
26. **ANUGERAH KHAS SEPANJANG ZAMAN**
27. **ANUGERAH KHAS JURI 1**
28. **ANUGERAH KHAS JURI 2**
29. **ANUGERAH KHAS JURI 3**
30. **ANUGERAH KHAS FILEM BOX OFFICE**